



*Pengurusan Kewangan*  
*Telefon: 06-7659675*  
*Telefax: 06-7636352*

*Khidmat Pengurusan*  
*Telefon: 06-7659047*  
*Telefax: 06-7671702*

*Perbendaharaan Negeri*  
*Telefon: 06-7659757 / 46 / 47 / 49 / 58*  
*Telefax: 06-7659776 / 06-7675119*

Ruj. Kami : PNNs.203(01)600/9 Jld.6 (03)  
Tarikh : 16 Februari 2022  
14Rejab 1443

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab (PTJ)

**NEGERI SEMBILAN**

(Seperti Senarai Edaran)

YB Dato'Dr./ YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PEMBANGUNAN SISTEM PERAKAUNAN KEWANGAN JABATAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti sedia maklum bahawa semua pembangunan sistem perakaunan kewangan Jabatan hendaklah dirujuk kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri iaitu selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 138 (a),

"Adalah menjadi kewajipan Akauntan Negara di bawah arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan:

- (a) Bagi menentukan bahawa suatu sistem perakaunan yang sepatutnya diwujudkan dan pengawasan yang sesuai diadakan untuk mengelakkan kehilangan atau kecuaiian dalam semua Perbendaharaan dan Perbendaharaan Kecil dan jabatan-jabatan lain, termasuk jabatan mengakaun sendiri, dalam Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri"

dan AP 140 (a)

"Tanggungjawab yang dikenakan atas Akauntan Negara oleh Arahan-arahan ini berkenaan dengan akaun persekutuan hendaklah begitu juga dikenakan atas Akauntan Negeri/Bendahari Negeri berkenaan dengan akaun Negerinya. Akauntan Negeri atau Bendahari Negeri setakat mana yang berkenaan dengan akaun Negerinya, hendaklah tertakluk kepada arahan Pihak Berkuasa Negeri".

3. Selain menjadi tanggungjawab di bawah AP 140 (a) ia juga bagi memastikan sistem perakaunan kewangan Jabatan yang dibangunkan adalah berasaskan perakaunan akruan dan boleh berintegrasi dengan Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS).

4. Oleh yang demikian, YB Dato' Dr./ YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk memaklumkan kepada Perbendaharaan Negeri sekiranya terdapat sistem yang melibatkan fungsi perakaunan kewangan yang akan dibangunkan. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh kemukakan kepada:

(a) En. Ibrahim Aimanuddin bin Ahmad Ramdzani

06-760 2239 [aimanuddin@ns.gov.my](mailto:aimanuddin@ns.gov.my)

(b) Pn. Norazlina binti Zakaria

06-765 9775 [azlinazakaria@ns.gov.my](mailto:azlinazakaria@ns.gov.my)

5. Perhatian YB Dato'Dr./ YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD AZRAAI BIN MD AZNAN)**

Bendahari Negeri

Perbendaharaan Negeri Sembilan

s.k : YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri

## **SENARAI EDARAN**

1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri  
70503 Seremban
  
2. Pengarah  
Unit Pengurusan Teknologi Maklumat  
Tingkat 3, Blok B, Wisma Negeri  
70503 Seremban
  
3. Pengarah  
Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan  
Tingkat 4, Blok A, Wisma Negeri  
70503 Seremban
  
4. Pengarah  
Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan  
Tingkat 2, Blok A, Wisma Negeri  
70503 Seremban
  
5. Pengarah  
PlanMalaysia@Negeri Sembilan  
Tingkat 3, Blok A, Wisma Negeri  
70503 Seremban
  
6. Pengarah  
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan  
Tingkat 2, Blok C, Wisma Negeri  
70503 Seremban
  
7. Pengarah  
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan  
Tingkat 4, Blok C, Wisma Negeri  
70503 Seremban
  
8. Pengarah  
Jabatan Pertanian Negeri Sembilan  
Tingkat 3, Blok D, Wisma Negeri  
70503 Seremban

9. Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban  
Kompleks Pentadbiran Daerah  
Persiaran S2 A2, Seremban 2  
70300 Seremban
  
10. Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin  
Tingkat 1, Kompleks Pentadbiran Daerah Tampin  
73000 Tampin
  
11. Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson  
Kompleks Pentadbiran Daerah, KM 1, Jalan Pantai  
71009 Port Dickson
  
12. Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah  
Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan  
72000 Kuala Pilah
  
13. Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Daerah Jempol  
72120 Bandar Seri Jempol
  
14. Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Daerah Jelebu  
71600 Kuala Klawang
  
15. Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau  
Kompleks Pentadbiran Daerah  
71309 Rembau
  
16. Mufti Kerajaan Negeri  
Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan  
Aras 15, Menara MAINS, Jalan Taman Bunga  
70100 Seremban

17. Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan  
Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Sembilan  
1054A, Jalan Sendayan  
71950 Bandar Sri Sendayan
  
18. Ketua Pendakwa Syarie  
Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan  
Aras 11, Menara MAINS, Jalan Taman Bunga  
70100 Seremban
  
19. Pengarah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan  
Jalan Yam Tuan  
70000 Seremban
  
20. Pengelola Bijaya Diraja  
Pejabat DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan  
Istana Hinggap  
70500 Seremban
  
21. Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan  
Lot 1504, Mukim Pantai, Batu 6, Jalan Jelebu  
71770 Seremban
  
22. Pengarah  
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan  
Tingkat 1, Blok B, Wisma Negeri  
70503 Seremban